

MAC 2025



IKLAN KEKOSONGAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KOLAM AIR PANAS BEMBAN, JASIN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat Bumiputera dan Bukan Bumiputera untuk menyewa, menguruskan termasuk menjalankan kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan yang berkaitan di Kolam Air Panas Bemban, Jasin milik Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan perincian seperti di jadual berikut :-

BIL.	NAMA DAN LOKASI	KEKOSONGAN	NO. LOT / MUKIM	KELUASAN	TEMPOH SEWAAN	KADAR SEWAAN MINIMA SEBULAN	JENIS PERNIAGAAN	KOD BIDANG
1.	KOLAM AIR PANAS BEMBAN	1	PT 9825 DAN LOT 493 MUKIM BATU BERENDAM	1.40 EKAR	3 TAHUN	RM 10,000.00	PENYEWAAN, PENYELENGGARAAN, NAIKTARAF DAN PENGURUSAN	221506 (Penyewaan dan Pengurusan bagi bangunan/pejabat/stor/ruang niaga/rumah kediaman)



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KOLAM AIR PANAS BEMBAN, JASIN

1. Pemohon mestilah **Warganegara Malaysia**, berumur 21 tahun ke atas dan keutamaan diberikan kepada **Syarikat yang mempunyai pejabat di Negeri Melaka, mampu menyediakan kelengkapan, peralatan, kemudahan dan tenaga kerja yang mencukupi.**
2. Tawaran ini adalah mengikut keadaan **sediada** di lokasi yang dinyatakan.
3. **Borang permohonan dan Cadangan Terperinci** perlu dihantar ke kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bersama-sama dokumen seperti berikut :-
 - a. **1 salinan Kad Pengenalan pemohon dan saksi** (suami / isteri / ibu / bapa)
 - b. **1 salinan Penyata Kewangan** yang terkini bagi 3 bulan yang terakhir
 - c. **1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Syarikat**
 - d. **1 salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang berkaitan**
 - e. **Softcopy (CD/pendrive) dan hardcopy (3 salinan berwarna)** bagi Cadangan Terperinci dari pihak **Syarikat** yang mengandungi perkara-perkara berikut:-
 - i. Profil Syarikat termasuk latar belakang dan pengalaman
 - ii. Cadangan Kadar Sewa
 - iii. Cadangan Menaiktaraf Kolam Air Panas
 - iv. Aktiviti / program yang akan dilaksanakan
 - v. Waktu Operasi dan Tempoh Sewaan
 - vi. Cadangan bayaran Tiket Masuk
 - f. Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan (**jika ada**)
4. Permohonan dibuka bermula **11 APRIL 2025** sehingga **24 APRIL 2025**.
5. Segala pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Nur Ain Syazwani binti Jamaludin atau Encik Kishok a/l Selvarojo di Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di talian **06-2323773 sambungan 325/326**.
6. Pemohon yang telah menghantar dokumen permohonan dengan lengkap beserta bayaran **wang proses RM 10.00, akan dihubungi melalui telefon untuk menghadiri sesi pembentangan.** Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh sesi pembentangan adalah dianggap tidak berjaya.



SKOP KERJA BAGI PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KOLAM AIR PANAS BEMBAN, JASIN

1. Menjalankan kerja-kerja membaikpulih premis melibatkan baikpulih dinding bangunan, mengecat, membaikpulih alatan permainan kanak-kanak, membaikpulih lantai konkrit dan pejalan kaki 'interlocking' serta membina pagar jenis 'anti-climb' dengan anggaran kos berjumlah RM 400,000.00.
2. Menjalankan aktiviti perniagaan berkonseptan taman rekreasi.
3. Memastikan premis sentiasa berada dalam keadaan selamat, bersih dan terjaga dari semua aspek.
4. Menyelenggara dan menaiktaraf keseluruhan kawasan premis untuk memberi kemudahan kepada pelanggan dan peniaga.
5. Memastikan longkang, rumput dan pokok yang berada dalam kawasan diselenggara dengan baik.
6. Menyediakan kelengkapan dan keperluan selengkapnya bagi setiap kiosk atau gerai yang akan disewakan.
7. Memastikan perniagaan dan aktiviti yang dijalankan tidak melanggar undang-undang.
8. Keseluruhan kawasan perlu dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) yang aktif dan berfungsi dengan baik.
9. Semua kos, tanggungan dan perbelanjaan untuk mengurus, menyelenggara, menaiktaraf dan menjalankan operasi adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya.
10. Melantik syarikat yang berdaftar dan berkelayakan untuk menyediakan laporan bacaan kualiti air setiap bulan seerta mengemukakan laporan tersebut kepada pihak Majlis.
11. Memastikan sisa pepejal diuruskan dengan sempurna oleh kontraktor yang berdaftar dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).
12. Memastikan semua peniaga mempunyai suntikan *typhoid*, sijil pengendalian makanan dan lesen perniagaan daripada pihak Majlis.
13. Syarikat perlu mengambil insurans tanggungan awam sekurang-kurangnya RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta sahaja).

(DATIN SAPIAH BINTI HARON)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

ZB/NASJ/iklankekosongankolamairpanas